



Headline: RM4,800 lesap ditipu 'sarjan'
Publication/Portal: Sinar Harian
Date: 30 December 2019

Language: Malay
Section: Dari Pahang
Page: 29

RM4,800 lesap ditipu 'sarjan'

**Penjawat awam
serah maklumat
bank bimbang nama
disenaraihitam**

NIK AMIRUL MU'MIN NIK MIN

KUANTAN

Gara-gara menyerahkan maklumat kad bank termasuk nombor kad dan pin kepada 'anggota polis berpangkat sarjan', seorang penjawat awam rugi RM4,800 apabila wang simpanannya lesap.

Tindakan berkongsi maklumat kad bank itu dilakukan kononnya bagi mengelak namanya disenaraihitam selepas didakwa

mempunyai tunggakan kad kredit lebih RM13,000.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Pahang, Superintendan Mohd Wazir Mohd Yusof berkata, mangsa rugi RM4,800 apabila wang dalam akaun banknya dikeluarkan pihak lain disyaki scammer yang menyamar sebagai anggota polis berpangkat sarjan dari sebuah Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) negeri.

Menurutnya, mangsa menerima panggilan daripada seorang wanita yang menyamar sebagai pegawai dari sebuah mahkamah pada 27 Disember lalu.

"Mangsa diberitahu dia mempunyai tunggakan kad kredit dari sebuah bank berjumlah RM13,610 yang perlu dilangsaikan segera atau namanya akan disenaraihitamkan.

"Seperti biasa, panggilan sete-

rusnya disambungkan kepada 'seorang anggota polis' kononnya bagi tujuan siasatan. Mangsa kemudian diminta menyerahkan nombor kad banknya berserta nombor pin untuk siasatan pihak 'Bank Negara' dan bagi melindungi wang dalam akaun banknya," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Katanya, mangsa yang tidak menyedari ditipu telah menyerahkan maklumat kad bank seperti yang diminta.

"Mangsa hanya menyedari ditipu selepas membuat semakan akaun banknya dan mendapati baki berkurangan RM4,800 lalu membuat laporan polis.

"Kita sedang mengesan seorang wanita yang juga pemilik akaun bank yang digunakan," katanya.